

Volume 20, No. 1  February 2023

JOURNAL OF

Islam in Asia

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

إِنَّمَا
يُنشأ
الله
من
عبادته
العلماء



JOURNAL OF *Islam in Asia*

Volume 20, No. 1 February 2023

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

Journal of Islam in Asia

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

EDITOR-in-CHIEF

Abdul Salam @ Zulkifli B. Muhamad Shukri

EDITOR

Noor Azlan B. Mohd Noor

ASSOCIATE EDITOR

Homam Altabaa

GUEST EDITORS

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

COPY EDITOR

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

EDITORIAL ADVISORY BOARD

LOCAL MEMBERS

Abdel Aziz Berghout (IIUM)

Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)

Nadzrah Ahmad (IIUM)

Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)

Sayed Sikandar Shah (IIUM)

Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)

Thameem Ushama (IIUM)

INTERNATIONAL MEMBERS

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)

Abu Bakr Rafique (Bangladesh)

Anis Ahmad (Pakistan)

Fikret Karcic (Bosnia)

Muhammad Al-Zuhayli (UAE)

Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by *International Islamic University Malaysia*

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.



E-ISSN: 2289-8077

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap Kriteria Utama Diperlukan

Construction of Guideline for Delivering and Accepting Hadith in Religious Television Programme: An Analysis on The Main Criteria Required

Nur Afifi bin Alit,* Shumsudin Yabi,** dan Mohd Yusuf bin Ismail***

Abstrak

Penyampaian ilmu berkaitan hadith di Malaysia semakin berkembang pesat dalam pemodenan dunia masa kini. Proses kemajuan ini bukan sahaja dilihat daripada aspek kandungan dan bidang ilmu yang disampaikan malah meliputi kaedah yang digunapakai seiring dengan kemajuan teknologi semasa antaranya penyebaran dakwah melalui rancangan keagamaan di televisyen. Namun, kemudahan teknologi ini harus diselarakan dengan pengaplikasian kaedah pemantauan yang berkesan, dan medium penapisan yang efektif dengan mewujudkan garis panduan yang komprehensif bagi mengelakkan implikasi penularan negatif yang timbul akibat pengabaian elemen penting yang disebutkan. Justeru, kajian ini bertujuan menjelaskan keperluan dalam penetapan kriteria utama pembinaan garis panduan tersebut yang berupaya menjadi rujukan penting bagi pihak berautoriti dalam lapangan penyiaran televisyen berkonsepkan keagamaan, dan panduan untuk

* Calon PhD di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan. Emel: tolibhadith90@gmail.com

** Pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan Emel: shumsudin@usim.edu.my

*** Pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan. Emel: yusufismail@usim.edu.my

300

**Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

mereka yang terlibat dalam lapangan kontemporari ini secara keseluruhannya. Kajian ini menggunakan teknik penyelidikan perpustakaan dengan mengumpulkan data primer dan sekunder, dan dianalisis secara analisis kandungan. Garis panduan yang akan dibina mestilah memenuhi beberapa kriteria seperti kandungan yang menyeluruh meliputi aspek *riwayah* dan *dirayah* hadith, penggunaan terma yang eksplisit, penyertaan *dalil* sebagai konsep asas pembinaan item kandungan, penyenaian contoh kesalahan yang dilakukan ketika proses penyampaian dan penerimaan hadith, penetapan golongan sasaran bagi setiap bahagian kandungan garis panduan, dan pembentukan usaha pemantauan yang lebih sistematik. Hasil kajian mendapati keperluan terhadap garis panduan ini ditekankan agar objektif utamanya ialah menghindari polemik penggunaan hujah yang rapuh dalam penyampaian maklumat seperti penghujahan dengan hadith-hadith palsu dan salah faham terhadap hadith yang disampaikan.

Kata Kunci: Garis Panduan, Penyampaian dan Penerimaan Hadith, Kriteria.

Abstract

The delivery of hadith-related knowledge has evolved in line with the current modern world. This advancement is seen through its content, fields and the methods used, such as using Islamic television programs to convey message of dakwah. Nevertheless, the technology provided must parallel with effective surveillance and monitoring method through construction of a comprehensive guideline that avoids unwanted implications since this important element has been neglected. Thus, the aim of this study is to determine the requirements needed by this guideline to benefit interested parties in the broadcasting field and aid the people who want to produce quality Islamic television programs. This study uses library research method in gathering data from both primary and secondary sources which are later analysed through content analysis approach. There are several criteria that should be fulfilled in order to build a sustainable guideline that comprises of comprehensive content including *riwayah* and *dirayah* aspects, the use of explicit terms, inclusion of *dalil* as fundamental content materials, listing examples of past mistakes in the process of delivering hadith, determination of target group for each section of the guidelines, and

formation of systemic monitoring group to encounter issues that arise. The findings concluded that this guideline can ensure the authenticity of hadith that had been used in this field from being deviated from its supposed methods, so that it can fulfil the main objective which is to avoid the usage of rejected evidence in delivering information or making false conclusion about the content of hadith.

Keywords: Guideline, Delivering and Accepting Hadith, Criteria.

Pendahuluan

Kemajuan teknologi maklumat menyaksikan penerokan medium baru dalam menyampaikan dakwah di Malaysia. Hasilnya, penggunaan media massa elektronik seperti televisyen mula digunakan melalui penghasilan rancangan keagamaan, melihat kepada kebergantungan penduduk Malaysia terhadap alat komunikasi moden ini, khususnya apabila kaedah pemilikannya menjadi lebih mudah melalui kemudahan teknologi telefon pintar dengan teknologi terkini¹. Selerasa dengan itu, perkembangan rancangan keagamaan di televisyen semakin rancak bermula 1990an apabila mendapat sokongan daripada kerajaan samada dari sudut ekonomi dan moral, selain melihat kepada minat umat Islam di Malaysia yang semakin meningkat melalui tayangan beberapa rancangan keagamaan yang popular ketika itu seperti al-Muqaddam (TV 1), dan Jejak Rasul (TV 3). Memasuki tahun 2000, rancangan keagamaan di Malaysia melangkah setapak kehadapan melalui pengenalan bentuk rancangan yang lebih menarik seperti rancangan berbentuk realiti dan aplikasi kaedah pembelajaran secara interaktif², tambahan pula apabila stesen televisyen mula mengambil peranan yang lebih proaktif melalui penubuhan saluran khas Astro Oasis dan Tv Al Hijrah dalam menghasilkan rancangan keagamaan, hasil seruan kerajaan dalam usaha menerokai dunia dakwah yang lebih mencabar pada zaman kini,

¹ Wok, Saodah, "Mass Media in Selected Muslim Countries", suntingan. oleh Mohd. Yusof Hussain", *Intellectual Discourse*, 12, 1, (2004), dicapai dari <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/265>.

² Muhammad Afif Arif, "Metodologi dan Keberkesanan Program Madrasah al-Quran Siaran TV Al-Hijrah", *Tesis Sarjana*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2017), 24.

302

**Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

khususnya bagi memerangi usaha yang mengaitkan Islam dengan keganasan dan menjawab tohmahan negatif yang dilemparkan³.

Walau bagaimanapun, penggunaan media baharu dalam mempromosi aktiviti keagamaan seperti rancangan berkonsepkan dakwah dan keagamaan di televisyen telah membawa kepada persoalan kualiti rancangan yang ditayangkan. Antara aspek yang dibincangkan berkenaan kualiti sesuatu rancangan adalah dari sudut kandungan rancangan yang disampaikan melalui penulisan skrip yang jelas menyampaikan dakwah Islam yang tulen dan tidak disalahfahami⁴. Kajian Zulkifli merumuskan bahawa kefahaman Islam yang kurang mendalam oleh penerbit, dan kurangnya penglibatan golongan agama dalam pasukan produksi merupakan antara faktor yang mendorong kepada kelemahan kualiti sesuatu rancangan yang berlandaskan Syariah⁵. Kebimbangan terhadap isu ini juga disuarakan oleh Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir b. Hj. Baharom apabila menekankan keperluan bagi mewujudkan pakar rujuk media penyiaran Islam yang berfungsi sebagai rujukan utama kepada pihak berkepentingan dalam lapangan ini⁶.

Justifikasi terhadap kebimbangan ini adalah wajar melihat kepada kemunculan fenomena baharu mutakhir ini iaitu penyebaran hadith palsu melalui media elektronik yang disampaikan melalui rancangan-rancangan keagamaan. Hasil kajian Jawiah Dakir et al. telah menemui sejumlah hadith palsu yang tersebar dalam masyarakat Melayu termasuk dalam rancangan keagamaan popular ketika itu seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam (JAKIM)⁷. Faisal Ahmad Shah pula menjelaskan punca masalah yang belaku adalah kerana keengganan

³ Juliana Abdul Wahab & Zatil Hidayah, "A case study of tv al-Hijrah", *Jurnal MIMBAR*, 33, 2, (2017), 445-452.

⁴ Md Rozalfari, Megat Al-Imran, Nor Azura, Rosya Izyanie, & Wawarah Saidpuddin, "Kualiti Rancangan Televisyen (TV) Islamik: Suatu Refleksi", *Prosiding Persidangan International Research Management and Innovations Conference*, (2014, 17-18 November), 2-3.

⁵ Zulkiple Abd. Ghani, "Islamic Broadcasting: A Search for Islamic Identity", *Hamdard Islamcus*, 29, (2006), 23-33.

⁶ Wacana Inovasi Dakwah Melalui Media, "Wacana Inovasi Dakwah Melalui Media", (2011), dicapai dari <https://www.islam.gov.my/ms/wacana-inovasi-dakwah-melalui-media-cetus-13-resolusi>

⁷ Jawiah Dakir, Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim, & Faisal Ahmad Shah, "Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis", *Jurnal Usuluddin*, 29, (2009), 119-146.

penyampai rancangan untuk merujuk kepada sumber yang muktabar dalam pengambilan hadith, sebaliknya menjadikan sumber sekunder yang tidak berorientasikan bidang hadith sebagai rujukan. Selain itu, Faisal juga mendapati kesalahan ketika penyampaian sesuatu hadith juga boleh berlaku akibat daripada kaedah penterjemahan dan proses peringkasan hadith yang tidak tepat, pengambilan hadith masyhur yang tidak dipastikan statusnya, dan kesalahan penisbahan hadith kepada Nabi S.A.W⁸. Walaupun kategori kesalahan yang dilakukan berbeza-beza dari sudut kesannya ke atas status sesebuah hadith yang disampaikan, namun ia tetap membawa kesan yang buruk kepada penonton terutamanya apabila melibatkan penggunaan hadith palsu atau kekeliruan ketika menyampaikan maksud sebenar sesebuah hadith.

Bagi menangani isu keraguan maklumat yang disampaikan khususnya melibatkan maklumat berkenaan Islam, beberapa akta dan garis panduan dihasilkan dalam bidang penyiaran melibatkan rancangan keagamaan. Namun begitu, beberapa isu yang timbul seperti sistem pemantauan yang kurang efektif, dan bersistematik menyebabkan peranannya tidak dapat dimaksimumkan. Justeru, kajian ini berusaha menggariskan kriteria utama dalam pembangunan garis panduan yang berkesan dengan mengambil kira persoalan berbangkit dan terkini melibatkan aspek teknikal dan kandungan garis panduan, bagi mencapai tujuan utama iaitu memastikan penggunaan hadith yang berlandaskan kaedah sebenar seperti digariskan dalam Ilmu hadith, seterusnya mengangkat kualiti dan memartabatkan rancangan keagamaan itu sendiri.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dengan mengumpulkan data primer dan sekunder berhubung skop kajian yang bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan metode analisis kandungan bagi mendapatkan hasil kajian akan yang menjawab persoalan yang dikemukakan. Justeru, sudut yang dinilai oleh kajian ini adalah berpusat kepada akta dan garis panduan sedia ada yang berkait dengan penggunaan dalil hadith di dalam rancangan televisyen berbentuk

⁸ Faisal Ahmad Shah, "Penyebaran Hadith Palsu dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran". *Jurnal HADITH*, 6, 11, (2016), 9-28.

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 304

**dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

keagamaan yang dihasilkan oleh pihak berkaitan samada pihak kerajaan atau swasta.

Kaedah analisis komparatif juga digunakan dalam mengenalpasti aspek persamaan, perbezaan dan hubungkait antara setiap akta dan garis panduan terdahulu. Hasil analisa tersebut dapat digunakan untuk membantu pembangunan kriteria-kriteria utama bagi menghasilkan sebuah garis panduan yang komprehensif dan mapan melibatkan dalil-dalil hadith yang diguna pakai dalam sesebuah rancangan televisyen, khususnya berhubung kaedah penyampaian dan penerimaan sesebuah hadith yang meliputi aspek *riwayah* dan *dirayah*.

Selain itu, fokus kajian ini adalah kepada usaha pembinaan garis panduan menyeluruh yang menepati beberapa kriteria utama berkaitan dalil hadith Nabi S.A.W. dalam kandungan penyiaran televisyen, ianya turut merangkumi pendekatan aspek Ulum al-Hadith yang meliputi perincian berkenaan persoalan sanad dan matan sesebuah hadith yang disampaikan melalui medium kontemporari tersebut.

Kajian Literatur

Kepelbagaian konsep rancangan penyiaran agama di Malaysia telah menuntut keperluan untuk merangka garis panduan yang komprehensif dan mapan agar dapat menyelesaikan isu-isu terkini yang timbul. Tambahan pula, keunikan situasi di Malaysia yang melibatkan kepelbagaian agama dan bangsa, selain perbezaan tingkatan keilmuan yang dimiliki oleh penonton rancangan tersebut menjadikan garis panduan ini sebagai sarana penting untuk meredakan perbezaan pendapat yang berlaku. Pelaksanaannya juga membolehkan para penggiat industri mempunyai rujukan lengkap bagi menghasilkan rancangan yang lebih berkualiti dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan berlandaskan syariat Islam. Menyorot kepada akta dan garis panduan terdahulu yang dihasilkan berkenaan bidang penyiaran, ianya dapat dibahagikan kepada dua bentuk berdasarkan kepada pihak penggubal yang merangka dan melaksanakannya seperti berikut:

Undang-undang Digubal oleh Kerajaan

Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif penting dalam mengawal bahan penyiaran di stesen televisyen sekaligus menjadikan langkah permulaan yang baik dalam memperlihat keseriusan kerajaan dalam menangani isu ini. Antara akta yang telah digubal oleh kerajaan adalah Akta komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan Akta

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 589), melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Fokus akta ini adalah untuk memberi tumpuan kepada jabatan dan agensi yang terlibat dengan pengawalan dan penguatkuasaan dan pendakwaan, tanpa pernyataan secara tafsil terhadap isi kandungan penerbitan⁹. Penggubalan akta ini membawa kepada tertubuhnya panel khas iaitu *content code* pada tahun 2001 dan pelaksanaannya bermula pada tahun 2004, bagi menjalankan proses pemantuan yang lebih berkesan terhadap pihak yang terlibat secara langsung dalam industri komunikasi dan multimedia di Malaysia.

Selain itu, pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) selaku media rasmi kerajaan juga telah menggubal kod etika penyiaran pada tahun 2003. Kod ini mengandungi enam garis panduan melibatkan Garis Panduan Penyiaran TV, Garis Panduan Penerbitan TV, Garis Panduan Artis, Kod Etika Pengiklanan, Kod Generik, dan Garis Panduan Penggunaan Bahasa Malaysia dalam siaran RTM¹⁰. Antara tujuan utama garis panduan penyiaran TV adalah untuk melindungi kepentingan awam dan negara dalam memastikan bahan penyiaran samada melalui radio atau televisyen bebas daripada anasir yang boleh mengancam perpaduan negara, selaras dengan keperluan untuk memenuhi aspirasi negara dalam mencapai Wawasan 2020¹¹. Hakikatnya, tindakan kerajaan melalui penggubalan undang-undang ini dapat menjadi usaha awalan bagi memperlihat keprihatinan kerajaan dalam mengawalselia kerancakan industri penyiaran, khususnya dalam memastikan kepatuhan pihak pemain industri dalam menjaga kerukunan dan keamanan negara, selain memaparkan keterbukaan kerajaan dalam menjadikan medium penyiaran sebagai wadah penting penyampaian dan penyebaran maklumat.

Usaha kerajaan dalam membanteras penyiaran bahan-bahan yang bercanggah dengan aspirasi negara dirancarkan lagi dengan penggubalan Akta Penapisan filem 2002 Pindaan 2010 (Akta 620) oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Akta ini menggariskan larangan penerbitan filem lucah dan pemaparan unsur-unsur yang bercanggah

⁹ Wan Amizah Wan Mahmud, "Perkembangan dan Pembangunan Sistem dan Dasar Penapisan Filem di Malaysia", Tesis kedoktoran (Ph.D), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, (2008), 3.

¹⁰ Jabatan Penyiaran Malaysia, "Kod etika penyiaran RTM", (2003), 7, dicapai dari <https://www.rtm.gov.my/index.php/pengguna/awam/kod-etika-penyiaran>

¹¹ Ibid, 9.

306

**Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Pihak KDN melalui sesi perkongsian kepakaran dari pihak berkepentingan telah menghasilkan Garis Panduan Penapisan Filem 2010 yang merangkumi pelbagai aspek berkaitan penyiaran filem¹². Penelitian terhadap kandungan garis panduan ini menunjukkan fokus utamanya adalah ke arah penambahbaikan isu-isu berkaitan bahan-bahan perfileman sehingga tidak mencetuskan konflik dan ketidakstabilan terhadap penonton yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan keturunan.

Seiring dengan itu, kerajaan melalui agensi rasmi berhubung pembangunan agama Islam iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Garis Panduan Bahan Penerbitan bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercangah dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah Wa al-Jamaah dan Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam pada tahun 2015. Kedua-dua garis panduan ini adalah hasil penambahbaikan dan perincian daripada penghasilan Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Bercetak Berunsur Islam pada tahun 1996¹³. Justifikasi kepada usaha yang dipandu oleh JAKIM ini adalah bagi memastikan bahan terbitan yang dihasilkan berhubung agama Islam di Malaysia dapat mematuhi landasan yang digariskan Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) selaku mazhab rasmi di Malaysia, selain menepati pegangan badan berautoriti agama Islam dan tokoh Ulama yang diperakui keilmuannya di seluruh dunia Islam¹⁴.

Undang-undang Digubal Pemain Industri Penyiaran

Usaha berterusan oleh kerajaan dalam memartabatkan industri penyiaran berunsurkan keagamaan telah disambut dengan baik oleh pihak syarikat penyiaran televisyen, sekaligus menyaksikan kerancangan penyiaran rancangan berkonsepkan keagamaan di Malaysia. Seiring dengan perkembangan tersebut, pihak berkepentingan juga berusaha memastikan tahap rancangan yang disiarkan dapat memenuhi keperluan yang digariskan syariat Islam, seperti yang dilakukan oleh

¹² Wan Noor Hidayah Muhamad Azhar, "Persepsi Para Pembikin Filem terhadap Pelaksanaan Polisi Lembaga Penapisan Filem Malaysia", Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, 2005.

¹³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Bercetak Berunsur Islam", (2015), 2.

¹⁴ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam", (1996), 9.

stesen penyiaran TV Al Hijrah selaku syarikat media pertama kerajaan yang memaparkan rancangan berorientasikan Islam secara keseluruhannya, bermula tahun 2010. Melihat kepada kepentingan penetapan suatu garis panduan yang menyeluruh, pihak TV Al Hijrah telah mengeluarkan “Garis Panduan Pematuhan Syariah TV Al Hijrah” pada tahun 2015. Sebuah panel khusus dibentuk menggabungkan tenaga pakar daripada pelbagai bidang bagi menghasilkan garis panduan ini yang bertujuan memberi panduan kepada penerbit rancangan TV AlHijrah untuk menghasilkan rancangan yang mematuhi piawaian yang ditetapkan Islam¹⁵. Jawatankuasa ini telah menjadikan Akta dan Garis panduan terdahulu seperti yang dikeluarkan oleh KDN dan JAKIM sebagai rujukan utama, selain melakukan penambahbaikan dan perincian tertentu seiring dengan keperluan dan aspirasi TV Al Hijrah dalam memainkan peranan sebagai medium utama penyampaian maklumat keagamaan kepada masyarakat Islam di Malaysia¹⁶. Garis panduan ini mengandungi dua elemen utama membabitkan garis panduan berhubung unsur yang mengandungi khurafat dan tahyul dan garis panduan berhubung hiburan dalam Islam yang diharap dapat menjadi pemangkin utama kepada syarikat produksi perfileman dan drama dalam usaha memartabatkan rancangan penyiaran berunsur keagamaan di Malaysia.

Selain daripada usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan berhubung bahan penyiaran berkaitan keagamaan, kerajaan melalui Kementerian dalam Negeri (KDN) juga telah menubuhkan satu jawatankuasa khas dikenali sebagai Lajnah Tahqiq Hadith pada tahun 2016¹⁷. Penubuhannya bertujuan untuk mengemudi usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hadith-hadith yang digunapakai di dalam bahan bercetak dan penerbitan di Malaysia seperti aspek penggunaan hadith lemah dan palsu di dalamnya dan kesalahan

¹⁵ TV Al- Hijrah, “Garis Panduan Pematuhan Syariah Penerbitan Rancangan / Skrip Drama TV Al Hijrah”, (2015), 4-5.

¹⁶ Abdul Azib bin Hussain, “*Implimentasi Kepatuhan Fatwa di TV alhijrah: Kajian Evaluatif terhadap Penapisan Kandungan*”, Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2017).

¹⁷ Mohd Farhan Ariffin & Khadher Ahmad, “Hadith Mawdhu’: Merungkai Kontradiksi antara Masyarakat dan Ulama ke arah Kesepakatan Bersama”, *Jurnal Intelek*, 11, 1, (2016), 31-39.

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 308
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan

terjemahan terhadap hadith¹⁸. Hasil daripada kajian yang dilakukan, organisasi ini telah telah berjaya menerbitkan suatu ketetapan terperinci berhubung Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks hadith pada tahun 2018 yang mengandungi tiga bahagian utama melibatkan kaedah penukilan hadith daripada sumber rujukan asal, kaedah penukilan hadith dhaif dan palsu dalam penerbitan dan kaedah menulis hadith dan rujukan hadith dalam penerbitan¹⁹. Walaubagaimanapun, garis panduan ini adalah merupakan perincian khusus terhadap interaksi hadith-hadith yang terdapat dalam bahan bercetak sahaja yang memerlukan kepada usaha lanjutan bagi menfokuskan terhadap garis panduan berhubung interaksi dengan hadith-hadith yang disampaikan di dalam bahan penyiaran televisyen melalui rancangan-rancangan berunsur keagamaan.

Kajian akademik juga turut dijalankan bagi membantu proses penapisan dan penentuan bahan berkaitan hadith yang diterbitkan agar tidak menyebabkan kekeliruan umat Islam. Munirah Abd Razak & Nik Mohd Zaim telah menyentuh keperluan wujudnya garis panduan berkenaan pengkodan dan penulisan hadith dalam bahan penerbitan samada bercetak atau elektronik yang perlu dipatuh oleh para penulis di Malaysia²⁰. Pengkaji menekankan keperluan menyatakan teks asal hadith berbahasa arab, dan sumber rujukan secara lengkap bagi memudahkan pembaca dan memberi keyakinan kepada mereka terhadap keaslian sesuatu maklumat, khususnya melibatkan kajian ilmiah dan penyelidikan akademik. Selain itu, kajian Siti Aidah & Ishak Suliaman telah menerangkan realiti garis panduan dan bentuk penapisan berkaitan bahan penyiaran dan perkembangannya di Malaysia, yang membawa kepada kepentingan untuk menghasilkan suatu garis panduan khusus berkenaan hadith palsu di dalam industri

¹⁸ Shumsudin Yabi, "Lajnah Tahqiq Hadith: Sejarah dan Peranannya", Prosiding 7th *International Conference on Quran as Foundation of Civilization*, (2021, 6-7 Oktober), 1281-1294.

¹⁹ Lajnah Tahqiq hadith, "Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith", (2018), 4-16, dicapai dari https://epq.kdn.gov.my/panduan_hadith/mobile/index.html#p=4

²⁰ Munirah Razak & Nik Mohd Zaim, "Pewujudan Garis Panduan Penjagaan Autoriti Hadith dalam Penerbitan Karya Berunsur Agama di Malaysia", Dlm. Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (pnyt.), *Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009), 421-435.

penyiaran, sebagai penambahbaikan kepada garis panduan yang sedia ada²¹.

Analisis Perbezaan Akta dan Garis Panduan Terdahulu

Hasil penelitian terhadap akta dan garis panduan terdahulu, terdapat beberapa aspek persamaan dan perbezaan yang terkandung di dalam setiap dokumen yang telah dianalisis. Ianya dapat dijelaskan seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 1: Aspek Perbezaan Kandungan Akta Dan Garis Panduan Terdahulu

Bil	Akta / Garis Panduan	Keterangan ringkas	Komen
1	Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (SKMM)	Ia mengandungi 10 bahagian enakmen yang merangkumi piawaian ditetapkan kerajaan terhadap kandungan berhubung komunikasi multimedia.	Terdapat lima garis panduan yang digariskan di dalam akta ini berhubung kandungan bersifat keagamaan. Namun, kesemuanya adalah bersifat umum selari dengan aspirasi rukun negara dan kehendak perlembagaan persekutuan bagi menjaga keharmonian dan kerukunan negara.

²¹ Siti Aidah & Ishak Suliaman, "Fabricated Hadith in Malaysia's Television Programmes: A Study in Establishing a Broadcasting Guideline and Code of Ethics Related to Sunnah Nabawi, Dlm. Khader Ahmad, Faisal Ahmad Shah & Monika Abd Razzak (pnyt.), Salah Faham Terhadap Sunnah; Isu dan Penyelesaian, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2015), 321-330.

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 310
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan

2	Kod Etika Penyiaran 2003 (RTM)	Ia mengadungi dua elemen garis panduan, pertamanya melibatkan bahan siaran TV, dan keduanya berhubung bahan penerbitan TV.	Kedua-dua kandungan garis panduan ini menyentuh berkenaan ketetapan yang digariskan oleh Islam, Namun terma berhubung penggunaan dalil hadith adalah sedikit dan bersifat umum seperti “larangan memaparkan amalan bertentangan dengan al-Quran” (ms 11) dan “larangan penggunaan petikan hadith yang tidak lengkap” (ms 19)
3	Garis Panduan Penapisan Filem 2010 (KDN)	Ia mengandungi tiga bahagian berhubung kandungan agama yang merangkumi bahan yang dibenarkan dan dilarang tayangannya.	Terma yang hampir berhubung penggunaan dalil hadith adalah yang menyebut berkenaan larangan menimbulkan kontroversi dan keraguan masyarakat seperti “mempersoalkan kewibawaan sumber agama, antaranya adalah hadith (ms 9). Terma ini bersifat umum tanpa diterangkan perincian berkenaan bentuk dan aspek

			yang menyentuh perkara tersebut.
4	Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan Penyiaran Berunsur Islam 2015 (JAKIM)	Ia mengandungi sepuluh ketetapan berhubung kriteria penapisan bahan multimedia dan penyiaran keagamaan melibatkan aspek akidah, ibadah dan akhlak	Terdapat dua ketetapan yang berhubung langsung dengan aspek penggunaan dalil hadith iaitu "larangan memaparkan unsur sindiran, keraguan terhadap autoriti syarak seperti hadith" (ms 8), dan "larangan penggunaan riwayat sejarah yang palsu berkenaan nabi" (ms 10).
5	Garis Panduan Pematuhan Syariah 2015 (TV Al Hijrah)	Ia mengandungi piawaian terperinci berhubung kriteria bahan penyiaran perfileman dan drama berkonsepkan keagamaan, terutamanya aspek akidah	Walaupun fokus utama garis panduan ini terhadap aspek akidah, namun terdapat ketetapan berhubung penggunaan dalil hadith seperti keperluan "menyatakakan status hadith, perawinya dan sumber pengambilannya" (ms 8)

312

**Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

6	Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith 2018 (KDN)	<p>Ia diterbitkan khusus untuk mengangani isu penggunaan hadith lemah dan palsu dalam bahan bercetak di Malaysia</p>	<p>Garis panduan ini bersifat terperinci dalam menyelesaikan masalah penggunaan hadith palsu, kaedah berinteraksi dengan terjemahan hadith, dan kaedah penukilan hadith dari sumber asli. Namun, keperluan terhadap penambahan terma dan klausa yang melibatkan aspek ilmu <i>dirayah</i> hadith adalah penting bagi mengelakkan salah faham terhadap hadith di kalangan penggunanya.</p>
---	---	--	---

Melihat kepada kandungan utama garis panduan sedia ada, terdapat di antaranya yang menjurus kepada usaha kawal selia bahan penyiaran melibatkan filem dan drama. Justeru, kandungan terma dan klausa yang digunapakai terfokus kepada usaha memelihara industri tersebut secara khusus yang melibatkan aspek nasional seperti ketenteraman awam, keagamaan sosiobudaya, dan ketertiban dan kesusilaan serta fakta sejarah²². Walaubagaimanapun, terdapat garis panduan yang dibina khusus mengenai bahan penyiaran berkaitan keagamaan, berdasarkan ketetapan digariskan syarak seperti yang diterbitkan oleh KDN melalui Lajnah Tahqiq hadith, namun begitu, ia berbeza dengan cadangan garis panduan yang ingin dibina iaitu melibatkan kaedah interaksi dengan dalil hadith dalam rancangan keagamaan televisyen secara terperinci, disebabkan perbezaan latar dan suasana yang mengelilingi medium ini berbanding medium penerbitan dan percetakan, selain penambahan kriteria utama yang akan

²² Kementerian dalam Negeri (KDN), "Garis Panduan Penapisan Filem LPF", (2010), 6-19.

dicadangkan melibatkan beberapa aspek yang berbeza dengan garis panduan sedia ada.

Hasil kajian

Cadangan Kriteria Utama Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith dalam Rancangan Keagamaan Televisyen

Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, terdapat enam kriteria utama untuk dimasukkan dalam elemen pembangunan garis panduan yang dicadangkan ini seperti yang berikut:

Kriteria Pertama: Kandungan yang Menyeluruh Meliputi Aspek Riwayah dan *Dirayah* Hadith

Keentingan gabungan kedua-dua bidang ilmu hadith ini adalah kerana ia melibatkan dua elemen utama dalam sesebuah hadith iaitu aspek sanad dan matan. Nuruddin al-‘Itr menjelaskan bahawa gabungan kedua-dua ilmu ini yang disebut sebagai Ulum al-Hadith berupaya menjadi medium pemeliharaan terhadap kecacatan yang berlaku ketika menukilkan hadith, seterusnya berperanan mengekalkan ketulenan teks dan kefahaman hadith tersebut seperti mana ia dinukilkan²³. Oleh itu, kupasan perincian meliputi kedua-dua aspek bidang hadith ini harus digariskan secara menyeluruh melalui garis panduan yang dibina bagi mengelakkan penyampai hadith di dalam sesebuah rancangan televisyen meriwayatkan hadith palsu, serta mengelakkannya terpengaruh dengan kefahaman yang menyimpang dan ekstrem sewaktu menerangkan isi kandungan sesuatu hadith.

Antara bahagian dalam ilmu riwayat yang boleh dimasukkan dalam kandungan garis panduan adalah penyenaraian ketetapan digariskan Ulama dalam mengharuskan pengamalan hadith dha‘if, penelitian terhadap perkaitan sanad dan matan dalam status kesahihan sesuatu hadith, pengingkaran terhadap hadith palsu samada dari sudut periwayatan dan pengamalannya, kefahaman terhadap ketetapan kriteria mutaba‘at dan syawahid hadith, dan penggunaan istilah yang tepat ketika menukilkan hadith dan menyampaikannya. Manakala bahagian ilmu dirayah yang diperlukan dalam melengkapkan kandungan garis panduan ini adalah perbincangan berkenaan metodologi digariskan Ulama dalam berinteraksi dengan hadith yang bercanggah

²³ Nuruddin al-‘Itr, *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith*, (Damsyiq, Dar al-Fikr, 1981), 31.

314

**Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

dan mempunyai makna yang musykil, perincian mengenai kaedah sebenar dalam berinteraksi dengan asbab wurud hadith, dan pengetahuan terhadap kedudukan hadith yang dimansuhkan bagi mengelakkan penetapan sesuatu hukum yang tidak tepat. Selain itu, perincian mengenai piawaiian sebenar dalam definisi hadith gharib juga harus dimasukkan agar tidak terdedah kepada kesalahan dalam mentafsirkan lafaz hadith tertentu yang mengakibatkan kesan bahaya khususnya melibatkan hadith-hadith berkaitan aqidah dan hukum hakam fiqh.

Tambahan pula, garis panduan yang dibina juga harus menyentuh pengetahuan terhadap kepelbagaian sumber rujukan hadith dan perbezaan metodologinya bagi mengelakkan sangkaan yang tidak tepat terhadap penulis buku tersebut sekiranya dinukilkan hadith yang tidak sahih daripadanya. Penetapan kriteria berhubung aspek perbezaan perawi juga harus dititikberatkan bagi mengelakkan kesalahan dalam menentukan identiti perawi khususnya yang melibatkan perbezaan statusnya di sisi Ulama dalam ilmu jarh dan ta'dil. Pembinaan garis panduan juga harus merangkumi keadaan penyampaian sesuatu hadith seperti menggunakan pendekatan secara lafaz atau makna, mengaplikasi kaedah peringkasan hadith, menukilkan hadith secara terjemahan, dan menggunakan kaedah pemotongan hadith dengan mengambil isu utama yang dihendaki sahaja. Masalah kesilapan dalam pembacaan teks hadith juga harus dititikberatkan dengan memasukkan bentuk kecacatan yang terkandung di dalam bahagian ini bagi membolehkan para penonton cakna terhadap situasi tersebut. Hakikatnya, penambahan bahagian ilmu berkenaannya penting disebabkan setiap pendekatan yang disebutkan mempunyai ketetapan tertentu yang telah digariskan oleh Ulama. Walaupun terdapat kesalahan yang dilakukan akibat pengabaian kepada ketetapan yang digariskan tidak menjejaskan status sesuatu hadith, namun ia tetap boleh mendedahkan penyampai hadith kepada kesalahan seterusnya menyebabkan sesuatu hadith itu difahami secara salah dan mengelirukan bagi penerimanya.

Selain itu, dalam mengambil kira perkembangan semasa dunia mutakhir yang berada di akhir zaman, maka ketetapan dalam aspek *tanzil hadith* juga harus dijelaskan, bagi mengelakkan eksploitasi hadith untuk tujuan yang salah dengan mengaitkannya dengan peristiwa atau kumpulan tertentu bagi menimbulkan kegusaran masyarakat awam. Penetapan kriteria berhubung isu ini juga dapat mengelakkan perbincangan yang tidak berdasarkan landasan ilmu, seterusnya

mendidik penyampai yang berinteraksi dengan hadith *fitan* dan akhir zaman agar mendahulukan sifat berhati-hati sebelum menyampaikan sesuatu teori yang belum dipastikan kesahihannya.

Kriteria Kedua: Penggunaan Istilah Yang Eksplisit Dan Terperinci Dalam Pembinaan Tema

Pemilihan istilah yang tepat merupakan suatu elemen penting dalam usaha menjelaskan perincian kandungan yang dikehendaki dan berupaya menghilangkan kekeliruan yang timbul akibat salah faham dari istilah yang digunapakai. Justeru, dalam pembinaan garis panduan ini, pemilihan istilah yang memenuhi dua kriteria utama iaitu eksplisit dan menyeluruh harus dititik beratkan. Ini kerana, bidang hadith mengandungi beberapa istilah khusus yang perlu diteliti penggunaannya bagi mendapatkan maksud dikehendaki yang menjurus kepada pemahaman yang tepat. Pemakaian istilah yang umum tanpa mendasari ilmu kerangka bidang yang dibincangkan, selain penggunaan istilah yang ganjil dan terasing penggunaannya dalam kalangan tokoh bidang tersebut akan menyukarkan dalam memperoleh maksud yang dikehendaki. Akibatnya, garis panduan yang dibina tidak dapat memenuhi keperluan pihak berkepentingan dalam bidang penyiaran melibatkan stesen penyiaran, pihak produksi, dan penonton rancangan yang ditayangkan.

Penelitian terhadap pemilihan istilah yang tepat dan berfokus juga adalah kerana terdapat istilah di dalam bidang hadith yang mempunyai kepelbagaian pendapat dalam menerangkan maksudnya, dan terdedah kepada penafsiran yang berbeza di antara tokoh tertentu. Oleh itu, penerangan lanjut terhadap istilah di dalam kategori ini diperlukan supaya kandungan garis panduan yang dibina dapat mencapai tujuan yang diharapkan. Walaubagaimanapun, penjelasan yang terlalu mendasar dalam meraikan kepelbagai tafsiran harus dipastikan tidak membebankan pihak yang berkepentingan yang akan menggunakan garis panduan ini sebagai rujukan, melihat kepada latar belakang mereka yang tidak berkemahiran dalam bidang hadith secara mendalam.

Selain itu, terdapat juga istilah di dalam bidang ini yang mempunyai persamaan perkataan dengan bidang Islam yang lain, menyebabkan perincian terhadap istilah tersebut perlu dijelaskan sekali dalam pembinaan tema dan kandungan yang digariskan. Justeru, penggunaan rujukan yang tepat dengan mengambil daripada sumber

316

**Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

khusus seperti kamus dan ensiklopedia yang menerangkan istilah-istilah dalam bidang hadith perlu diutamakan, bagi mengelak kekeliruan dan kesamaran dalam memperincikan sesuatu istilah yang digunapakai²⁴. Walaupun aspek kemahiran dalam Bahasa Arab merupakan kriteria penting dalam berinteraksi terhadap istilah-istilah digunapakai di dalam bidang hadith, namun disebabkan tujuan garis panduan yang dibina adalah untuk rujukan pihak berkepentingan di dalam bidang penyiaran yang mempunyai kepelbagaian latar keilmuan di dalam bidang hadith, maka kemahiran dalam penterjemahan istilah ke dalam bahasa melayu harus diperhatikan peranannya. Di dalam hal ini, pemerhatian terhadap konteks ayat, petunjuk sesuatu istilah, pengolahan struktur ayat, pemerhatian menyeluruh terhadap makna keseluruhan dapat membantu ke arah penterjemahan sesuatu istilah hadith yang digunapakai ke dalam bahasa melayu dengan lebih baik²⁵.

**Kriteria Ketiga: Penyertaan Dalil Sebagai Konsep Asas
Pembinaan Item Kandungan**

Antara bentuk dalil yang perlu disertakan dalam pembinaan item kandungan garis panduan ini adalah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai landasan utama setiap terma dan klausa yang dibentuk. Ini kerana wujudnya perkaitan yang kuat di antara al-Quran dan al-Sunnah dalam membentuk suatu sistem kefahaman yang menyeluruh. Al-Sibaie menyimpulkan elemen perkaitan yang terdapat di antara kedua-dua sumber utama syarak ini adalah elemen pengukuhan, perincian, dan pertambahan hukum yang terkandung di dalam al-Quran²⁶.

Selain itu, rujukan terhadap sumber berautoriti ini penting bagi memberi gambaran yang jelas bahawa kandungan yang dibina mempunyai asas yang kukuh dan melalui proses penyaringan dalil bagi membolehkan pihak yang menggunakannya sebagai rujukan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadapnya. Ini sesuai dengan fungsi

²⁴ Al-Qaryuti, 'Asim bin 'Abdullah al-Khalili, "Dawabit Tarjamah Mustalahat 'Ulum al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah Ma'a Namazij Lima Warada Minha fi Kitab Mu'jam Lughah al-Fuqaha", Dlm Persidangan Tarjamah al-Sunnah al-Nabawiyyah; Al-Waqi' al-Tatwir al-Mu'awwiqat, (2007, 1-3 Disember), 4-5.

²⁵ Faisal Ahmad Shah, "Terjemahan Hadith Nabi ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab Riyadh Salihin Terbitan JAKIM", Al-Bayan: Jurnal of Al-Quran and Hadith Studies, 9, 1, (2011), 63-69.

²⁶ Al-Siba'ie, Mustafa bin Hasani, Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islami, (Beirut: Al-Maktab al-Islami, 1982), 1, 379.

kedua-dua sumber ini yang dapat merungkai persoalan dan kekeliruan yang timbul dalam setiap permasalahan seperti firman Allah:

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maka sekiranya kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah urusannya kepada Allah dan Rasul, sekiranya kamu beriman kepada Allah dan hari Akhirat.

(al-Nisa' (4): 59)


Namun begitu, sekiranya terdapat kandungan yang tidak mempunyai dalil secara terus dari kedua sumber yang disebutkan, maka amalan para Sahabat akan dijadikan panduan dalam membina asas sesuatu tema kandungan yang digariskan, melihat kepada kejayaan dan keistimewaan generasi ini yang mendapat sanjungan dari Allah dan Rasul-Nya, sekaligus diperintahkan kepada umat Islam untuk menjadikan mereka sebagai pedoman. Al-Syatibi menjelaskan kelebihan generasi ini yang hidup pada zaman wahyu diturunkan dan penyaksian mereka terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman tersebut membolehkan pemahaman mereka terhadap kandungan al-Quran dan Al-Sunnah lebih menepati kebenaran²⁷. Oleh itu, dengan menjadikan mereka sebagai rujukan dapat menambahkan keyakinan dan mengukuhkan pendalilan dalam garis panduan yang dibangunkan.

Selain itu, bagi mengukuhkan lagi pemahaman terhadap terma yang dimaksudkan, maka contoh dari pengamalan Ulama Salaf khususnya tokoh hadith dapat dijadikan gambaran realiti bagi asas pendalilan yang digariskan. Ini kerana, setiap garis panduan yang dijelaskan dalam ilmu hadith telah diimplementasi sebaiknya oleh mereka yang lebih dahulu bergelumang dan berkorban tenaga di dalamnya, bagi diikuti oleh umat Islam selepas mereka. Selain itu, gambaran contoh daripada pengamalan mereka juga dapat mengkhususkan skop perspektif terhadap kefahaman dalil yang dibentangkan sebelumnya, seterusnya dapat mengelakkan salah faham

²⁷ Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa, Al-Muwafaqat, (Kaherah: Dar Ibn Affan, 1997), 4, 128.

**Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 318
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

terhadap dalil yang digunakan. Proses penyenaian dalil terhadap kandungan terma yang dibentangkan di dalam garis panduan yang dibina dapat dijelaskan seperti dalam gambar rajah berikut:



Rajah 1: Turutan Pembentangan Dalil Dalam Kandungan Garis Panduan

Kriteria Keempat: Penyenaian Contoh Kesalahan Yang Dilakukan Ketika Berinteraksi Dengan Dalil Hadith

Setiap pembinaan terma dan klausa harus disertakan dengan contoh kesalahan yang diambil dari insiden realiti yang berlaku ketika penyiaran sesuatu rancangan keagamaan bagi menambah kefahaman terhadap klausa yang digariskan. Ini kerana latar suasana bidang penyiaran tidak sama dengan latar penulisan samada melalui bahan bercetak atau elektronik. Antara elemen perbezaan yang dimaksudkan adalah kewujudan interaksi penyampai program di antara panel dengan penonton, keterikatan penyampai dengan skrip dan plot program yang dirangka oleh pihak produksi, kekangan masa siaran program, isu-isu teknikal yang mendatang semasa program berlangsung, perbezaan suasana antara program yang disiarkan secara langsung dan rakaman dan kesan penggunaan kaedah penyampaian secara lisan yang berkemungkinan terdedah kepada kesalahan secara tidak sengaja ketika menyampaikan sesuatu maklumat. Keperluan untuk mengambil kira elemen tersebut memerlukan penjelasan yang lebih terperinci dalam bentuk contoh dan gambaran sebenar dalam pembinaan garis panduan bagi panduan pihak berkepentingan. Ini bagi membolehkan mereka merujuk kepada contoh kesalahan yang disediakan agar dapat menjauhinya. Secara historikalnya, praktikal kaedah ini dapat dilihat menerusi pendekatan seorang Sahabat bernama Huzaifah al-Yamani apabila beliau berkata:

كَانَ النَّاسُ يَسْأَلُونَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ عَنِ الْخَيْرِ، وَكُنْتُ أَسْأَلُهُ عَنِ الشَّرِّ مَخَافَةَ أَنْ يُدْرِكَنِي

Manusia (yang lain) bertanya kepada Rasulullah mengenai sesuatu kebaikan (untuk melakukannya), Adapun aku bertanya kepadanya berkenaan sesuatu keburukan, (kerana) takut akan menimpaku²⁸.

Selain itu, penyenaian contoh kesalahan berperanan sebagai aplikasi kepada landasan teori yang telah dibentuk. Ia dapat mengukuhkan kefahaman terhadap maksud sebenar klausa tersebut seterusnya menjadikan garis panduan ini terhasil melalui gabungan teori dan aplikasi yang membolehkan ianya diimplimentasi dengan lebih berkesan. Ini kerana bidang penyiaran sinonim pada permulaan kemunculannya dengan keterlibatan artis dan figura yang tidak mempunyai latarbelakang agama yang khusus seperti disebutkan dalam kajian Zulkifli Abd Ghani²⁹. Justeru, penetapan garis panduan yang bersifat praktikal dapat membantu mereka dalam menyampaikan nas agama menepati ketetapan digariskan syarak sekiranya mereka terlibat dalam mengendalikan rancangan berkonsepkan elemen tersebut.

Seiring dengan itu, penyenaian contoh kesalahan juga berperanan sebagai metode perincian kepada istilah khusus yang digunapakai dalam sesuatu klausa. Ini kerana antara kesukaran dalam bidang hadith menurut Ali Naif adalah melibatkan kepelbagaian istilah tertentu yang khusus dan keserupaan di antara beberapa istilah yang mendorong kekeliruan dalam membezakannya, kesukaran dalam penjelasan terhadap istilah tersebut melihat kepada kepelbagaian metodologi pemahaman Ulama' hadith terhadapnya, dan perkaitan kefahaman sesuatu hadith terhadap ilmu dalam bidang yang lain³⁰. Namun begitu, melihat kepada konsep garis panduan yang lebih berfokus dan ringkas tanpa merangkumi perbincangan ilmiah secara mendalam, maka penggunaan contoh dapat memudahkan kefahaman

²⁸ Al-Bukhari, Muhammad bin Isma' il, Sahih al-Bukhari, Kitab al- Manaqib, Bab 'Alamat al-Nubuwwah fi al-Islam, Jil. 4. ms. 199, Bil. 3606; Al-Naisaburi, Muslim bin Hajjaj, Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, Bab al-Amr bi luzum al-Jama'ah, Jil. 3. ms. 1475, Bil. 1847.

²⁹ Zulkiple Abd. Ghani, "Penyebaran Dakwah melalui Media Penyiaran di Malaysia", Jurnal Pengajian Islam, 17, (2004), 2.

³⁰ 'Ali Naif Biqa'ie, "Al-Su'ubat allati yuwajihuha al-Talabah fi Fahmi Muqarrarat al-Hadith wa 'Ulumihi", Dlm. Hamzah bin Abdullah al-Malibari (pnyt.), 'Ulum al-Hadith: Waqi' wa Afaq, (Dubai: Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah, 2006, 337-351.

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 320

**dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan**

terhadap istilah tersebut, selain menjadi pengganti kepada huraian panjang berhubung penjelasan tentang istilah yang digunapakai. Pendekatan ini dapat dilihat juga di dalam sesetengah penulisan bidang *mustolah hadith* seperti karya Imam Al-Hakim, Ibnu Solah dan al-Suyuti apabila meletakkan contoh sebagai gambaran masalah yang dibincangkan tanpa mengemukakan huraian makna kepada sesuatu istilah³¹.

Kriteria Kelima: Penetapan Golongan Sasaran Bagi Setiap Bahagian Kandungan Garis Panduan


Penetapan golongan sasaran bagi garis kandungan hadith yang dibina adalah melibatkan tiga pihak iaitu pertama: pihak stesen televisyen yang menyiarkan rancangan keagamaan tersebut, dan memberikan lesen dan keizinan untuk pihak produksi menghasilkan rancangan tersebut dan menayangkannya di platform penyiaran sedia ada. Adapun pihak kedua: adalah barisan produksi yang terlibat secara langsung dalam menjayakan rancangan tersebut khususnya mereka yang bertanggungjawab dalam memastikan kandungan rancangan yang ditayangkan menepati landasan syarak berhubung penggunaan dalil-dalil hadith yang berautoriti terdiri daripada penerbit dan pengarah rancangan, penulis skrip, penyampai program dan panel jemputan. Selain itu, pihak ketiga yang menjadi golongan sasaran garis panduan ini adalah penonton yang menyaksikan rancangan tersebut samada yang berada di dalam studio atau yang menyaksikannya melalui platform televisyen dan aplikasi digital.

Penetapan golongan sasaran wajar dilakukan bagi mempermudah proses membina kandungan yang terkait dengan kepentingan setiap pihak terbabit, seterusnya memastikan tidak berlaku campur aduk atau percanggahan kandungan di dalam setiap garis panduan yang dibina. Selain itu, penyusunan kandungan mengikut golongan sasaran dapat memudahkan proses penumpuan bahagian kritikal yang memerlukan penyelesaian kritis dan berkesan terhadap sesuatu masalah yang dihadapi oleh golongan sasaran tersebut. Ini bermakna permasalahan yang dihadapi oleh pihak stesen televisyen berbeza dengan isu teknikal yang mendepani pihak produksi, begitu juga

³¹ Mahmud Tahhan, Abdul Razak Khalifah, & Nahad Abdul Halim, "Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyah", (t.th), 96, dicapai dari <https://ebook.univeyes.com/147810/pdf>

kesulitan dihadapi penonton yang akan mengambil manfaat daripada penayangan rancangan tersebut.

Tambahan pula, penumpuan terhadap kategori ketiga juga harus dititikberatkan melihat kepada kebergantungan penonton terhadap media secara berterusan boleh mempengaruhi pemikiran, membentuk persepsi, dan menentukan perilaku mereka selepas itu, malah berupaya mempengaruhi kognitif mereka dalam tempoh yang panjang³². Namun begitu, kepelbagaian latar belakang keilmuan mereka bermula daripada golongan yang mempunyai kemahiran khusus di dalam lapangan hadith, sehingga kepada orang awam yang jahil dalam permasalahan berkaitan, selain kesukaran untuk menentukan kuantiti sebenar berdasarkan peringkat keilmuan mereka, melihat kepada kemampuan capaian rancangan tersebut yang luas telah menjadi antara cabaran utama dalam memastikan keperluan setiap golongan penonton ini dapat dipenuhi sehingga membolehkan garis panduan ini berperanan dengan lebih berkesan. Ringkasan aspek penambahbaikan terhadap kandungan terma dan klausa yang dicadangkan adalah seperti rajah berikut:



Rajah 2: Aspek Penambahbaikan Dalam Kandungan Garis Panduan Hadith


³² Rezki Perdani, Salhah Abdullah, Dini farhah, & Noranis Ismail, "Penerapan Nilai-nilai Islam melalui Penggunaan Media dalam Pendidikan", Dlm Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam, (2009, 21-22 Julai), 4-5.

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 322 dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap Kriteria Utama Diperlukan

Kriteria Keenam: Pelaksanaan Sistem Pemantauan yang Lebih Sistematik Dan Dinamik

Pembentukan usaha pemantauan yang sistematik oleh pihak berwajib melalui gabungan tenaga pakar dan organisasi berpengalaman dalam bidang penyiaran dan Ilmu Hadith berupaya memastikan persoalan yang timbul dapat diatasi dengan cepat dan berkesan. Oleh itu, sesi libat urus secara berkala di antara pihak berkepentingan perlu dijadikan keutamaan bagi memastikan tiada pertindihan dalam pengagihan tugas bagi setiap unit, dan mengelakkan timbulnya kekeliruan dalam dalam sistem pengoperasian yang akan dijalankan.

Selain itu, usaha pemantauan yang dijalankan haruslah bersifat dinamik iaitu keterbukaan untuk menerima penyesuaian berdasarkan perubahan keadaan, melihat kepada perkembangan medium elektronik yang bergerak pantas seiring kemajuan teknologi semasa. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi digital pada masa kini seperti media sosial yang semakin mendapat tempat dalam kalangan penonton sesuatu rancangan merupakan antara bentuk perubahan yang harus diambil kira oleh pihak pemantau bagi memastikan usaha pengawalan yang dilakukan bersifat menyeluruh dan tidak statik kepada sesuatu pendekatan. Tambahan pula, peranan organisasi pemantauan ini juga harus diperluaskan kepada aspek penyelidikan dan pembangunan bagi melihat kemungkinan penambahbaikan terhadap garis kandungan yang dibina samada meliputi aspek kandungan, atau kaedah pemantauan yang digunapakai. Cadangan jawatan kuasa bagi organisasi ini boleh dilihat dalam rajah berikut:



Rajah 3: Cadangan Jawatankuasa Pemantau Garis Panduan Hadith

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian yang dibentangkan, dapat disimpulkan bahawa penetapan kriteria utama yang telah digariskan berperanan

penting bagi memastikan kualiti rancangan keagamaan dapat dimartabatkan melalui interaksi yang berlandaskan ilmu hadith yang teliti. Hakikatnya, penghasilan garis panduan khusus ini bukan sahaja menambah kualiti sesuatu rancangan yang ditayangkan, malah dapat memperbaiki mutu pengetahuan pihak produksi dan stesen TV penyiaran yang bertanggungjawab dalam memastikan ketepatan maklumat yang disampaikan. Ini kerana tanggungjawab dakwah tidak hanya terletak pada bahu pihak produksi yang bertanggungjawab menyiarkan produk yang memenuhi piawaian syarak, tetapi merangkumi pihak penyampai dan panel rancangan yang perlu memastikan ketepatan maklumat melalui skrip yang berkualiti, agar pihak penonton yang menyaksikan rancangan tersebut dapat memperoleh maklumat yang sahih dan tidak mengelirukan berkaitan Islam.

Sehubungan itu, pihak berkepentingan dalam bidang penyiaran samada pihak kerajaan atau agensi swasta harus berperanan dalam memastikan pemantauan berterusan bagi memastikan kepatuhan terhadap garis panduan yang dibina. Tambahan pula, peranan media elektronik dalam menyampaikan maklumat yang tepat berkenaan agama Islam samada melalui penyampaian dalil hadith yang sahih atau kefahaman terhadap isi kandungan yang benar agar dapat menjadi alternatif penting kepada umat Islam dalam menjawab kritikan segelintir pihak yang beranggapan bahawa penggunaan kaedah kontemporari ini tidak berupaya menjadi medium pendidikan Islam yang relevan pada masa kini.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Abdul Azib bin Hussain. "Implimentasi Kepatuhan Fatwa di TV Alhijrah: Kajian Evaluatif Terhadap Penapisan Kandungan". Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017.

Al-Qaryuti, 'Asim bin 'Abdullah al-Khalili. Dawabit Tarjamah Mustalahat 'Ulum al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyah Ma'a Namazij Lima Warada Minha fi Kitab Mu'jam Lughah al-Fuqaha', Dlm Persidangan Tarjamah al-

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 324
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan

Sunnah al-Nabawiyyah; Al-Waqi' al-Tatwir al-Mu'awwiqat. Riyadh, Arab Saudi, (2007, 1-3 Disember).

Al-Siba'ie, Mustafa bin Hasani. Al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islami. Beirut: Al-Maktab al-Islami, 1982.

Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. Al-Muwafaqat. Kaherah: Dar Ibn Affan, 1997.

'Ali Naif Biqa'ie. Al-Su'ubat allati yuwajihuha al-Talabah fi Fahmi Muqarrarat al-Hadith wa 'Ulumihi, 337-351", Dlm. Hamzah bin Abdullah al-Malibari (pnyt.). *'Ulum al-Hadith: Waqi' wa Afaq*. Dubai: Kuliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah, 2006.

Faisal Ahmad Shah. "Terjemahan Hadith Nabi ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Terhadap Kitab Riyadh Salihin Terbitan JAKIM, 63-69", Al-Bayan; Jurnal of Al-Quran and Hadith Studies, 9, 1, 2011.

_____, "Penyebaran Hadith Palsu dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran, 9-28", Jurnal HADITH, 6, 11), 2016.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). "Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam". Kuala Lumpur, 1996.

_____, "Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Bercetak Berunsur Islam". Kuala Lumpur, 2015.

Jabatan Penyiaran Malaysia. "Kod Etika Penyiaran RTM". Radio Televisyen Malaysia RTM, Kuala Lumpur, 2003. Dicapai dari <https://www.rtm.gov.my/index.php/pengguna/awam/kod-etika-penyiaran>

Jawiah Dakir, Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim, & Faisal Ahmad Shah. "Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis, 119-146", Jurnal Usuluddin. 29, 2009.

Juliana Abdul Wahab & Zatil Hidayah. "A Case Study of TV AlHijrah, 445-452", Jurnal MIMBAR, 33, 2, 2017.

Lajnah Tahqiq hadith. "Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith". Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kuala Lumpur, 2018. Dicapai dari https://epq.kdn.gov.my/panduan_hadith/mobile/index.html#p=4

Lembaga Penapisan Filem Malaysia. "Garis Panduan Penapisan Filem". Kementerian dalam Negeri KDN, Kuala Lumpur, 2010.

Mahmud Tahhan, Abdul Razak Khalifah, & Nahad Abdul Halim. Mu'jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah (versi pdf), (t.th). Dicapai dari <https://ebook.univeyes.com/147810/pdf>

Md Rozalfari, Megat Al-Imran, Nor Azura, Rosya Izyanie, & Wawarah Saidpuddin. "Kualiti Rancangan Televisyen (TV) Islamik: Suatu Refleksi". Dlm Persidangan dibentangkan dalam International Research Management and Innovations Conference (IRMIC). Kuala Lumpur, Malaysia, (2014, 17-18 November).

Mohd Farhan Ariffin & Khadher Ahmad. "Hadith Mawdhu': Merungkai Kontradiksi antara Masyarakat dan Ulama ke arah Kesepakatan Bersama, 31-39", Jurnal Intelek. 11, 1, 2016.

Muhammad Afif Arif. "Metodologi dan Keberkesanan Program Madrasah al-Quran Siaran TV AlHijrah". Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017.

Munirah Razak & Nik Mohd Zaim. "Pewujudan garis panduan penjagaan autoriti hadith dalam penerbitan karya berunsur agama di Malaysia, 421-435", Dlm. Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (pnyt). Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009.

Nuruddin al-'Itr. Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith. Damsyiq: Dar al-Fikr, 1981.

Rezki Perdani, Salhah Abdullah, Dini farhah, & Noranis Ismail. "Penerapan Nilai-nilai Islam melalui Penggunaan Media dalam Pendidikan". Dlm Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam, Bangi, Selangor, (2009, 21-22 Julai).

Pembinaan Garis Panduan Penyampaian dan Penerimaan Hadith 326
dalam Rancangan Keagamaan di Televisyen: Analisis Terhadap
Kriteria Utama Diperlukan

Shumsudin Yabi. "Lajnah Tahqiq Hadith: Sejarah dan Peranannya". Dlm 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization, (2021, 6-7 Oktober).

Siti Aidah & Ishak Suliaman. "Fabricated Hadith in Malaysia's Television Programmes: A Study in Establishing a Broadcasting Guideline and Code of Ethics Related to Sunnah Nabawi, 321-330", Dlm. Khader Ahmad, Faisal Ahmad Shah & Monika Abd Razzak (pnyt.). *Salah faham terhadap sunnah isu dan penyelesaian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2015.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). "Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia", Kuala Lumpur, 1998. Dicapai dari <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/akta588bm.pdf>

TV Al Hijrah. "Garis Panduan Pematuhan Syariah Penerbitan Rancangan / Skrip Drama Tv Al Hijrah". Kuala Lumpur, 2015.

Wacana Inovasi Dakwah Melalui Media. "Wacana Inovasi Dakwah Melalui Media". 2011. Dicapai dari <https://www.islam.gov.my/ms/wacana-inovasi-dakwah-melalui-media-cetus-13-resolusi>

Wan Amizah Wan Mahmud. "Perkembangan dan Pembangunan Sistem dan Dasar Penapisan Filem di Malaysia". Tesis kedoktoran (Ph.D), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

Wan Noor Hidayah Muhamad Azhar. "Persepsi Para Pembikin Filem Terhadap Pelaksanaan Polisi Lembaga Penapisan Filem Malaysia". Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, 2005.

Wok, Saodah. "Mass Media in Selected Muslim Countries", Dlm. Mohd. Yusof Hussain (pnyt.). *Intellectual Discourse*, 12, 1. 2004. Dicapai dari <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/265>.

Zulkiple Abd. Ghani. "Penyebaran Dakwah melalui Media Penyiaran di Malaysia". *Jurnal Pengajian Islam*, 17, 2004.

_____, "Islamic Broadcasting: A Search for Islamic Identity, 23-33". *Hamdard Islamcus*. 29, 2006.